

03 APR 2002

Keganasan-Impak (Analisis)/I

SESI KHAS MEMBERI IMPAK KEPADA USAHA MENANGANI KEGANASAN

Oleh: Zulkifli Salleh dan Abdul Muin Majid

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Satu daripada impak penting mesyuarat negara-negara Islam yang baru berakhir di sini ialah mencetuskan perbincangan mengenai betapa perlunya masyarakat dunia mencapai persetujuan umum mengenai apa yang membentuk keganasan.

Dalam Deklarasi Kuala Lumpur yang diluluskan selepas tiga hari bermesyuarat, menteri-menteri luar anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mencapai kata sepakat untuk memerangi keganasan dan menolak sebarang cubaan mengaitkan Islam dan umatnya dengan jenayah itu.

Serangan di Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas secara umumnya telah mencemari imej Islam dan umatnya, banyak insiden membabitkan orang Islam dan masjid diganggu telah dilaporkan di merata tempat.

Menteri-menteri OIC tidak berlapik apabila mengutuk semua bentuk keganasan antarabangsa termasuk keganasan negara tanpa mengambilkira motif, siapa yang melakukannya dan mangsa.

Sementara usaha mendapatkan sokongan memerangi keganasan lebih mudah diperolehi, usaha mendapat persetujuan dunia mengenai takrif yang dapat diterima umum nampaknya rumit kerana ia menyentuh banyak perkara sensitif dan kepentingan.

Namun demikian, ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa merasmikan sesi itu dengan mencadangkan bahawa semua bentuk serangan ke atas orang awam dianggap keganasan dan mereka yang melakukannya sebagai pengganas, sedikit sebanyak telah membangkit perdebatan serius di kalangan negara Islam dan bukan Islam.

Beliau mengejutkan sesi perasmian itu dengan melontar persoalan -- jika mengikut takrif berkenaan, bukankah pengebom berani mati Palestin telah melakukan keganasan dan mereka boleh dianggap sebagai pengganas?

Tetapi mengikut konteks yang lebih luas, takrif yang diandaikan oleh Dr Mahathir itu tidak akan menyenangkan sesetengah negara kerana mereka juga boleh dianggap telah melakukan keganasan negara.

Persoalan itu dipanjangkan apabila Dr Mahathir turut mengatakan mana-mana pihak yang menyokong perbuatan ganas juga boleh dianggap sebagai pengganas.

Merujuk kepada keganasan tentera Israel yang semakin meningkat terhadap rakyat Palestin, menteri-menteri terbabit telah mengeluarkan kenyataan berasingan melahirkan kebimbangan dan mengutuk kekejaman yang dilakukan oleh Israel.

Ekoran kekecohan yang tercetus daripada kenyataan Perdana Menteri mengenai pengebom berani mati itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar menerangkan bahawa Dr Mahathir bermaksud untuk melontarkan persoalan bagi mencetuskan perdebatan tetapi ada pihak telah melihatnya di luar konteks.

Mereka yang tidak bersetuju dengan pandangan yang dilontarkan itu sebenarnya gagal melihat maksud yang cuba diketengahkan iaitu selagi api kemarahan dan serangan diteruskan oleh pihak-pihak bertentangan, keamanan tidak akan tercapai di Asia Barat.

Perlu dinyatakan bahawa Dr Mahathir turut menegaskan bahawa dalam sebarang cubaan menghentikan keganasan, ia perlu melibatkan usaha mengatasi punca kemarahan.

Walaupun mesyuarat itu tidak menawarkan apa-apa takrif keganasan namun adalah angkuh bagi mana-mana pihak untuk mengatakan ia telah gagal mencapai matlamat.

Secara keseluruhannya, Deklarasi KL merangkumi pandangan negara-negara

Islam mengenai keganasan antarabangsa dengan ucapan Dr Mahathir diambil sebagai dokumen rasmi mesyuarat.

Mengikut kata Syed Hamid, mesyuarat itu berjaya menyelaraskan pendirian OIC mengenai keganasan sebagai persediaan untuk menyertai forum antarabangsa mengenai perkara itu termasuk yang diharap akan dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Beliau berkata berbeza dengan mesyuarat lain mengenai keganasan yang dianjurkan OIC sebelum ini, perjumpaan di Kuala Lumpur telah memberi peluang kepada semua anggota memberikan pandangan dan mereka telah menunjukkan persefahaman mengenai masalah serius yang dihadapi umat Islam.

Syed Hamid berkata malah PBB juga mungkin akan berdepan dengan masalah untuk mendapat takrif berkaitan masalah tersebut.

Ekoran serangan 11 Sept, PBB mempercepat penggubalan dua konvensyen anti-keganasan pada tahun lepas iaitu "Konvensyen Bagi Mencegah Keganasan Nuklear" yang tertangguh sejak Februari 1998 dan Konvensyen Komprehensif Mengenai Keganasan.

Dua perjanjian terakhir PBB mengenai keganasan ialah Konvensyen Antarabangsa Mencegah Pengeboman Penganas 1997 dan Konvensyen Antarabangsa Mengenai Kewangan Penganas 1999.

Sekali pandang, mungkin seseorang itu akan melihat kenyataan Dr Mahathir mengenai pengebom berani mati sebagai memperkecilkan kematian pejuang Palestin tetapi hakikatnya sokongan Malaysia terhadap perjuangan pembebasan Palestin tidak pernah goyah.

Perkara ini diakui oleh apabila Menteri Luar Palestin Farouk Kaddoumi meminta jasa baik Dr Mahathir untuk menggunakan pengaruhnya di pentas dunia bagi usaha menghentikan keganasan Israel di bumi Palestin.

Mengenai hal itu, Syed Hamid berkata Malaysia akan terus menyuarakan perjuangan rakyat Palestin di peringkat antarabangsa dan semasa pertemuan Dr Mahathir dengan pemimpin dunia.

-- BERNAMA

MAM ZS ZS MOZ